

# MAKSUD HUKUM ALLAH DAN RASUL-NYA

## PERKARA-PERKARA YANG MENGENAI MASALAH SURAT SIARAN JAKSA AGUNG MENEGAH BERPOLITIK DALAM AGAMA

Perintah Jaksa Agung (Attorney General) Indonesia menegah mengadakan politik dalam masjid-masjid dan surau-surau sebagaimana yang tersiar di dalam ruangan “Dari Sebulan ke Sebulan” di dalam majalah Qalam yang lalu telah mendapat sambutan-sambutan yang besar di Indonesia di dalam mana pertubuhan-pertubuhan Islam telah mengadakan mesyuarat-mesyuaratnya menuntut supaya isytihar-isytihar Jaksa Agung itu ditarik balik. Di sebalik itu timbul di dalam akhbar-akhbar di sana soal-soal yang mengenai hak-hak agama dan perkaitannya dengan politik : dan di antara rencana-rencana yang ditulis oleh ‘Imran Rashīdī atas maudu’ “Apa maksud dengan hukum Allah dan Rasul-Nya”. Maksud rencana itu kita sajikan seperti di bawah ini :-

Kerap kali kita mendengar dan membaca istilah hukum Allah dan Rasul-Nya. Dan sebagai penjelasan atas maksud istilah itu orang menyebut al-Quran dan al-Hadis. Sesungguhnya apa yang disebut itu tepat tetapi kurang sempurna. Oleh itu, orang hendak mencari semuanya daripada soal-soal ‘*ubūdiyyah*’ (‘ibadah) mahupun *mu’āmalāt* (pekerjaan dan hal ehwal yang berhubung dengan kehidupan manusia di dunia di dalam mencari rezekinya) dalam al-Quran dan al-Hadis ; kerana dikatakan bahawa al-Quran dan al-Hadis adalah pedomam dan undang-undang yang sesuai dengan tiap-tiap zaman dan tempat, maka kejadian yang baharu-baharu itu sama ada bersifat politik, ekonomi, kewangan dan sebagainya haruslah ada di dalam al-Quran dan al-Hadis.

Demikianlah fahaman golongan orang-orang terpelajar cara Barat, bahkan demikianlah juga fahaman daripada segolongan Islamnya sendiri yang mengenal *syariah Islāmiyah* ialah pada kitab fiqhnya sahaja. Lebih menyedihkan lagi golongan terpelajar cara Barat itu menyangka bahawa apa yang dilihatnya tentang cara-cara dan perbuatan orang-orang yang menamakan dirinya Muslim adalah gambaran dan bukti yang terang daripada *sharīah Islāmiyah*. Oleh yang demikian hakikat *sharīah Islāmiyah* telah menjadi kabur diselimuti oleh ‘ibadat kebiasaan agama Buddha yang masih banyak terdapat dalam masyarakat kita.

Yang diambil mereka daripada Islam ialah soal-soal yang zahir yang kelihatan dengan mata (pakaian, sembahyang, tingkah laku yang menunjukkan wara’ dan sebagainya). Kerana itu kaum terpelajar barat yang belum mendalami pengetahuan tentang *sharīah Islāmiyah* apabila mendengar perkataan Muslim dan hukum Allah maka terbayanglah dalam fikirannya gambar seorang Indonesia atau Arab yang berpakaian serban, jubah, bertongkat dan berjalan dengan menundukkan mukanya ke tanah; tergambar juga kepadanya al-Quran dan kitab-kitab yang biasanya tercetak dari kertas kuning tergambar pula kepadanya kolah di masjid-masjid atau surau-surau yang disediakan untuk berwudhuk seribu satu kaki masuk ke dalamnya, orang berkumur-kumur dengan mengelurkan air dari mulutnya ke dalam kolah itu; dan lain-lain pekerjaan serta keadaan yang keji dan kotor terbayang kepada mereka.

Sebelum saya mengulas pandangan mereka yang sempit terhadap Muslim dan hukum Allah maka wajib bagi saya terlebih dahulu menegur saudara-saudara kita kaum Muslimin sendiri yang telah jauh meninggalkan semangat agama. Mereka terlampau berpegang hanya kepada zahir dan kuliah agama itu sahaja. Terlalu keras di dalam memaham pelajaran fiqh dan terlampau tāsūb di dalam memegang pelajaran guru-gurunya. Sekarang sahaja sesudah terbit kebangkitan di Indonesia orang

mahu mentafsirkan ilmu dengan pengetahuan umum. Dahulu ilmu ditafsirkan hanya yang berhubung dengan pengajian ‘ibadat sahaja. Tetapi sekarang pun adakah tafsiran atau terjemah itu telah diterima dengan sebulat suara oleh sekalian guru-guru Islam? Jawabnya silalah periksa pengajian di surau-surau apakah telah sudah dimasukkan di dalamnya pelajaran-pelajar umum.

Jika demikian faham yang ada dalam masyarakat Islam maka pengertian dalam hukum Allah dan Rasul-Nya pula telah menjadi sempit. Tidak hairan kalau orang-orang yang berpelajaran Barat itu merasa takut (setidak-tidaknya waham) apabila negara ini (Indonesia) jatuh di dalam kekuasaan umat Islam. Bolehlah saya bayangkan bahawa mereka menyangka mereka akan diseret semuanya ke surau! Parlimen dipenuhi oleh orang-orang yang berserban! Semua kesenian ditegah dan kalau dibolehkan hanya “orkest gambus” rebana dan sebagainya yang berasal dari Padang Sahara. Undang-undangnya penuh dengan: berfirman Tuhan, bersabda Rasul, berkata Imam Shaffī dan sebagainya! Walhasil sangkaan-sangkaan mereka sesuai dengan kisah “Karl Marx” kerana umumnya kaum terpelajar barat itu pada masa mudanya belajar di sekolah-sekolah Belanda biasa membaca kisah-kisah yang tersebut.

### Dalil-dalil Syaṭī

Di atas telah saya katakan bahawa al-Quran dan al-Hadis adalah hukum Allah dan Rasul-Nya tetapi ringkasnya kurang sempurna. Lebih terang ringkasan itu berkehendakkan tafsir, kerana apabila dikatakan al-Quran dan al-Hadis sahaja tempat penjelasannya maka timbullah berbagai-bagai sangkaan sebagai yang telah disebut di atas tadi.

Al-Quran biasa juga dinamakan dustur (undang-undang dasar) hanya membuat garis-garis besar sahaja dalam soal-soal ketuhanan, ‘ibadat ataupun mu‘āmalāt. Tetapi ada juga soal-soal yang dibahas di dalamnya secara satu persatu (umpamanya masalah keluarga) namun kadang-kadang soal yang dibahas dengan satu persatu ini (umpamanya pembahagian

waris) yang berhajat pula kepada penjelasan-penjelasan yang kita dapatkan (terkadang-kadang) dalam Hadis, terutama soal-soal yang baharu yang berhubung dengan kejadian-kejadian yang tertentu janganlah dicuba mencari nasnya di dalam al-Quran.

Selanjutnya penulisan ini menerangkan bahawa perkara-perkara yang mengenai hal ehwal keduniaan! Tentu tidak ada satu persatu tersebut di dalam al-Quran dan al-Hadis umpamanya tentang sesuatu surat perjanjian.

Seterusnya ia menyatakan : syarī‘ah Islāmiyah disusun bukan atas dasar (dalil-dalil) (1) al-Quran dan (2) Hadis-hadis sahaja tetapi di sebalik itu ada delapan dalil-dalil yang lain iaitu (3) Ijma‘, (4) Qiyās, (5) Maṣlahah Mursalah, (6) Istiḥsan, (7) hukum adat, (8) Istiskhāf (9) syara‘ sebelum Islām dan (10) mazhab-mazhab sahabat.

Yang pertama hingga yang keempat telah mendapat kata yang bulat diantara pengikut-pengikut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah (yang saya maksud : pengikut-pengikut mazhab Ḥanafī, Shaffī, Malikī dan Ḥanbalī), sekalipun pada hakikatnya istilah ahli al-Sunnah wa al-Jamā‘ah itu terlalu sempit.

Dalil-dalil yang enam yang lain masih menjadi perselisihan iaitu apa yang diambil oleh satu mazhab ditolak oleh mazhab yang lain dan seterusnya. Demikianlah kalau kita melihat tawarikh ahli-ahli fiqh Islam pada zaman mazhab itu.

Tetapi ulama al-Azhar telah dapat melepaskan dirinya daripada kesimpulan yang disusun oleh imam-imam mazhab itu. Ulama al-Azhar telah merencanakan undang-undang perkahwinan (dengan cabang-cabangnya dan sebagainya) atas semua aliran yang terdapat dalam Islam dengan tidak terikat daripada faham-faham mazhab yang terkenal sahaja (mazhab empat).

Melihat dalil-dalil yang kesepuluh itu seorang hakim yang berpelajaran barat yang dungu tentang *syarī‘ah Islāmiyah* harus mengakui bahawa masalah mursalah dan hukum adat sahaja telah menjamin tetap dan sempurna *syarī‘ah Islāmiyah*.

(sambungan pada muka 31)

yang tersebut bahawa orang-orang New York dalam masa dua puluh tahun telah memberi lebih banyak pandangan kepada pertunjukan yang diadakan di situ. Dan lagi lebih banyak orang suka melihat lukisan-lukisan. Bilangan orang yang menjadi ahli-ahli lukisan pun sudah bertambah, dan makin bertambah banyak orang datang menyaksikan pertunjukan lukisan di Washington Square.

Setengah ahli-ahli seni, dalam masa mereka menjaga lukisan-lukisan mereka itu telah mengambil peluang juga membuat lukisan rupa-rupa orang yang suka rupa mereka dilukis. Jadi bila-bila masa sahaja bolehlah kita lihat pelukis-pelukis sibuk di tepi jalan dengan melukis rupa budak perempuan atau seorang tua, atau kanak-kanak, orang-orang yang menziarah di situ berkerumun sekejap melihat ahli seni dengan cekap dan pantas merajahkan rupa orang yang dilukis.

Di sini juga, seperti di sekolah-sekolah gambar sini, dapat dilihat beberapa lukisan moden. Saya telah diberi faham

---

(Sambungan dari muka 17)

Diterangkannya bahawa yang demikian itu dipakai di dalam perkara keduniaan jika tidak ada dalil-dalil yang terdapat nasnya yang jelas di dalam al-Quran dan al-Hadis.

Kemudian penulis ini membidas tentang surat siaran Jaksa Agung itu. Langkah-langkah itu diambil adalah kerana kurang memahamkan tentang kedudukan-kedudukan agama Islam dengan sebenarnya dan umat Islam sudah tetap tidak dapat mensesuaikan dirinya dengan undang-undang yang dijadikan pengambilan kuatkuasa yang dituntut oleh Jaksa Agung itu. Ia sangat-sangat menyesali bahawa umat Islam Indonesia hanya mengutamakan mengambil Jabatan Kementerian Agama sahaja di dalam parlimen Indonesia dan tidak mengambil Jabatan Menteri Kehakiman yang berguna untuk mensesuaikan atau menghampirkan undang-undang itu kepada hukum Allah. Adanya Kementerian Agama di situ hanya dapat menjalankan dan menyusun undang-undang peraturan perjalanan haji, nikah, talak dan rujuk dan seumpamanya yang biasa dihubungkan dengan agama.

oleh beberapa sahabat saya yang pakar bahawa lukisan-lukisan moden itu ada mempunyai sifat-sifat seni yang baharu yang bermakna. Manakala saya memberitahu mereka itu bahawa saya tak mengerti, dan sebenarnya berasa meluat melihat lukisan-lukisan itu. Mereka pun menyuruh saya mengambil tahu lebih dalam akan lukisan-lukisan moden kerana ada faedahnya. Lain daripada lukisan-lukisan moden ada pula lukisan-lukisan atas tembaga, lukisan-lukisan atas batu lantai, lukisan-lukisan kerana kad Krismas, dan lain-lain. Sebenarnya lukisan-lukisan yang beratus-ratus banyaknya bukan sahaja dapat dilihat di empat belah lapangan Washington Square, tetapi juga di lorong-lorong dekat situ, sehingga di tepi jalan raya Eight Avenue. Pertunjukan lukisan di Washington Square dan Greenwich Village ini bukan sahaja menjadikan kawasan ini lebih berseri akan tetapi juga meninggikan taraf kawasan itu sebagai satu kawasan kebudayaan di New York.

Umat Islam adalah sangat-sangat mempunyai kesalahan yang besar dengan tidak membela bahawa negara Islam itu tidak terpisah daripada masjidnya. Kalau dipisahkan sudah tentu ia tidak dapat menyempurnakan kewajibannya dengan sempurna.

### Bantahan-bantahan

Di beberapa daerah di Sumatera dan di lain-lain tempat umat Islam telah mengadakan tuntutan-tuntutan yang keras supaya isytihar itu dicabut. Mereka menyatakan sekiranya isytihar itu tidak ditarik balik harus akan menimbulkan keadaan-keadaan yang tidak digemari. Oleh kerana sudah tetap undang-undang yang dijadikan sandaran itu ialah undang-undang yang ditaja oleh Belanda dahulu yang di dalam cara penjahannya berusaha supaya semangat dan roh Islam terjauh daripada umat Islam oleh kerana mereka takut dengan adanya semangat Islam itu akan memberi keinsafan kepada pemeluk-pemeluknya dengan sebenar-sebenar insaf. Dengan itu maka di dalam negara merdeka ini undang-undang yang tidak sesuai itu mesti dihapuskan dan surat edaran itu juga mesti ditarik balik.